

## **PERMOHONAN JAWATAN PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI**

Individu yang memiliki kelayakan minimum ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang **Fesyen**, '**Chef Training/Culinary Art**', **Penyamanan Udara** dan **Bahasa Isyarat** yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dipelawa untuk memohon jawatan **Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) Gred DH41**.

Individu yang memiliki diploma dalam bidang **Sains Kesetiausahaan** yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dipelawa untuk memohon jawatan **Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) Gred DH29**.

Pemohon bagi jawatan **Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) Gred DH41 dan DH29** perlu mendapat **kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan)** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Permohonan boleh dikemukakan di [www.jobsmalaysia.gov.my](http://www.jobsmalaysia.gov.my) atau melalui Portal SPP. Setiap permohonan adalah sah untuk tempoh satu tahun dari tarikh permohonan. Pemohon yang melepasi asas tapisan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya akan menerima panggilan temu duga. Sebarang pertanyaan boleh dibuat dengan menghubungi talian **03-8871 7477** atau melalui iForum.